

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG**  
**NO. SOALAN : 287**

TUAN LIEW CHIN TONG minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sejak pelancaran skim Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa sehingga Disember 2015, berapa syarikat yang memohon dan diluluskan serta telah mendapat manfaat daripada skim ini. Apakah peratusan kejayaan skim ini.

### Cadangan Jawapan:

- Skim Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (IILS) telah diperkenalkan pada tahun 2008 bagi syarikat-syarikat logistik yang menjalankan aktiviti penghantaran, pengangkutan dan pergudangan. Berbanding dengan syarikat **Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS) yang disyaratkan memiliki kemudahan-kemudahan infrastruktur dan menyediakan perkhidmatan logistik bersepadu**, syarikat-syarikat yang diluluskan **Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (IILS) dibenarkan untuk menyumber luar (*out-source*) dan mengurus** aktiviti pergudangan dan/atau pengangkutan.
- Sejak pelaksanaan skim Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (IILS) dari tahun 2008 sehingga 2015, MIDA telah menerima sebanyak 71 permohonan bagi skim IILS. Daripada 71 permohonan yang diterima ini, sebanyak 61 permohonan syarikat untuk mendapatkan status IILS telah diluluskan.
- Daripada jumlah 61 syarikat yang diluluskan tersebut, 47 buah syarikat atau 77% adalah syarikat dengan pemilikan tempatan manakala 14 buah syarikat atau 23% adalah syarikat dengan pemilikan asing.
- Syarikat-syarikat yang diluluskan status IILS ini menerima manfaat dari segi menjalankan aktiviti penghantaran, pergudangan dan pengangkutan tanpa dikenakan syarat ekuiti.

- Kejayaan skim Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (IILS) ini dapat dilihat dari segi peningkatan aktiviti logistik yang dijalankan secara bersepadu oleh syarikat-syarikat tempatan di dalam mengembangkan operasi syarikat di peringkat serantau dan global.
- Dengan kelulusan status IILS ini, syarikat-syarikat asing juga berupaya meluaskan operasi perniagaan mereka di Malaysia dan serantau melalui rangkaian perniagaan yang strategik.
- Pemindahan teknologi dan kepakaran syarikat-syarikat logistik antarabangsa dapat dijalinan melalui kerjasama strategik di antara syarikat-syarikat logistik tempatan dan asing.
- Aktiviti-aktiviti logistik Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (IILS) ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan untuk memperkukuh dan meningkatkan keupayaan sektor logistik negara seperti mana yang dinyatakan di dalam Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada tahun 12 Mac 2015 dengan visi untuk menjadikan Malaysia sebagai *"The Preferred Gateway to Asia"*.
- Pelan Hala Tuju Asean bagi Integrasi Perkhidmatan Logistik yang diluluskan pada tahun 2007 juga berlandaskan kepada potensi Asean di dalam rangkaian pengeluaran global dan mengatasi kelemahan industri logistik serantau terutama dari aspek infrastruktur, *business network* yang terhad di kalangan negara-negara Asean dan kekurangan kepakaran dalam industri logistik.